

PENGHURAIAN KERJA UMUM PENJAGA JENTERA ELEKTRIK

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penjaga Jentera Elektrik Gred J1, J2, J3, J4.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Aspek Operasi

- a. Membantu mengurus kerja penyenggaraan elektrik bagi pihak jabatan, termasuk kerja-kerja pemasangan elektrik sementara dan khidmat tunggu sedia pada upacara majlis rasmi.
- b. Mengenal pasti, memeriksa dan menguji peralatan dan komponen elektrik (contoh, papan suis utama dan papan suis kecil) di bangunan-bangunan kerajaan supaya sentiasa berkeadaan baik dan selamat.
- c. Merekod, menyimpan rekod dan menyelenggara rekod senggaraan elektrik. Segala aktiviti senggara perlu didokumenkan dengan baik dengan menggunakan borang dan buku log.
- d. Membantu melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan/inspektorat ke atas pemasangan elektrik untuk premis-premis kerajaan.
- e. Melaksanakan/mengendalikan kerja serta operasi bagi sistem elektrik voltan rendah dan tinggi termasuk jana kuasa tunggu sedia.

4.2 Aspek Pembangunan

Bertanggungjawab memastikan dan menunjuk ajar serta memberi latihan kepada kumpulan penyenggaraan bawahan dalam melaksanakan tugas mengikut amalan teknikal yang betul dan selamat, berdasarkan prosedur dan peraturan yang berkuat kuasa.

5. HUBUNGAN KERJA

5.1 Dalam

- a. Pengurusan atasan.
- b. Rakan sekerja di bahagian/unit/cawangan yang sama.
- c. Pegawai di bahagian lain dalam organisasi yang sama.

5.2 Luaran

- a. Suruhanjaya Tenaga.
- b. Agensi kerajaan.
- c. Agensi swasta.
- d. Badan/ pertubuhan antarabangsa.

6. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

7. KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN

- a. Memiliki kelayakan dan sijil sebagai seorang kompeten mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
- b. Berkebolehan dalam merancang dan mengurus kerja-kerja penyenggaraan dan kakitangan bawahan.
- c. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Malaysia.
- d. Berkebolehan menulis laporan dan membuat analisis.
- e. Berkebolehan menggunakan teknologi maklumat.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Kompeten.
- b. Berintegriti.

- c. Bertanggungjawab.
- d. Profesionalisme.
- e. Kualiti.
- f. Disiplin.
- g. Menepati masa.
- h. Tidak cacat anggota badan (contoh: buta, pekak dan lain-lain)

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Boleh menyebabkan berlakunya kemalangan.
- b. Boleh mengakibatkan bahaya kepada pengguna dan aset.
- c. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- d. Faktor kesihatan (fitness) yang menghalang pelaksanaan tugas.